

E-BOOK


PANDUAN SOLAT JAMAK & QASAR



**WAN NUR SYAMIMI BINTI WAN SAJIRI
SURIANI BINTI SU'AIDI**

E-BOOK

PANDUAN SOLAT JAMAK & QASAR



PANDUAN SOLAT JAMAK & QASAR

Terbitan:

Kolej Komuniti Beaufort
Kementerian Pendidikan Tinggi
Jalan Melalugus
89807 Beaufort,
Sabah

Terbitan 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran penulis.

EBOOK PANDUAN SOLAT JAMAK DAN QASAR

Wan Nur Syamimi binti Wan Sajiri
Suriani binti Su'aidi

Hak Cipta © epembelajaran Kolej Komuniti Beaufort

Tel: 087-212528 / 529

Emel: adminkkbs@kkbeaufort.edu.my

Laman sesawang: <https://kkbeaufort.mypolycc.edu.my/>

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Mengkatalog dan Penerbitan

e ISBN 978-629-95005-2-0



Prakata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji bagi Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya, serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, dengan izin-Nya, eBook Panduan Solat Jamak dan Qasar ini berjaya disiapkan sebagai rujukan yang komprehensif dan mudah difahami untuk saudara-saudari sekalian.

Tujuan utama eBook ini adalah untuk memberi panduan yang jelas dan praktikal mengenai cara pelaksanaan solat jamak dan qasar, yang merupakan keringanan dan kemudahan yang diberikan oleh syariat Islam kepada para musafir. Kami berharap agar eBook ini bukan sahaja memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang hukum dan adab solat bagi mereka yang bermusafir, tetapi juga membangkitkan keinginan untuk menunaikan ibadah solat dengan sempurna, tidak kira di mana jua kita berada.

Semoga panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan menjadi penyuluhan dalam setiap langkah perjalanan kita. Mudah-mudahan segala usaha kita ini mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT. Amin ya Rabbal Alamin.

Sekian, terima kasih.

Wan Nur Syamimi binti Wan Sajiri
Suriani binti Suaidi

Isi Kandungan

PENDAHULUAN

- Dalil jamak dan qasar
- Formula penting
- Rukhsah disebabkan safar panjang
- Pilihan-pilihan bagi musafir

2-8

QASAR

- 'Illah atau faktor utama dibenarkan qasar
- Bagaimana cara mengira hari sampai dan hari balik?
- Syarat qasar
- Faktor tidak dibenarkan qasar
- Jarak safar dibenarkan qasar
- Kadar hari dibenarkan qasar

9-23

JAMAK

- Jamak suri
- 7 Syarat jamak taqdim
- 2 Syarat jamak ta'khir
- Situasi yang membolehkan jamak
- Cara Berniat
- Jamak disebabkan safar
- Jamak disebabkan hujan
- Jamak disebabkan sakit
- Jamak kesesakan lalu lintas
- Hukum jika terlupa niat jamak ta'khir.
- Susunan solat jamak ta'khir
- Jamak bagi mustahadrah
- Jamak disebabkan menyelamatkan nyawa orang
- Jamak disebabkan majlis perkahwinan
- Kaedah rawatib ketika jamak

24-44

RUJUKAN

47

RENUNGAN

"Solat jamak dan qasar adalah kurniaan Allah SWT kepada hamba-Nya yang bermusafir. Ia mengingatkan kita bahawa di mana pun kita berada, solat tetap perlu dijaga. Kemudahan ini tanda kasih sayang Allah yang tidak mahu kita dalam kesusahan, namun tetap dekat kepada-Nya dalam setiap langkah perjalanan."




Pendahuluan

Solat merupakan tiang agama dan kewajipan utama bagi setiap individu Muslim. Namun, dalam keadaan tertentu seperti ketika dalam perjalanan jauh, Islam memberi kemudahan untuk melaksanakan solat dengan cara yang lebih ringkas melalui konsep solat jamak dan qasar. Solat jamak membolehkan seseorang menggabungkan dua solat dalam satu waktu, manakala solat qasar membolehkan seseorang memendekkan solat empat rakaat menjadi dua rakaat. Kedua-dua kemudahan ini mencerminkan kesempurnaan dan keindahan Islam sebagai agama yang mengambil kira keperluan dan situasi umatnya, memudahkan pelaksanaan ibadah tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap Allah SWT.

Ebook ini disusun bagi memberi panduan lengkap kepada para pembaca, khususnya mereka yang sering melakukan perjalanan jauh, mengenai pelaksanaan solat jamak dan qasar dengan betul. Panduan ini merangkumi syarat-syarat dan tatacara yang perlu dipatuhi agar solat yang dilaksanakan sah dan diterima. Dengan memahami konsep dan kaedah pelaksanaan solat jamak dan qasar, diharapkan para pembaca dapat menunaikan kewajipan mereka dalam apa juar keadaan.



Dalil Solat Qasar



Al-Quran menjelaskan,

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ
جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنْ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ
يَفْتِنَكُمُ الظَّالِمُونَ كَفَرُوا إِنَّ الْكُفَّارِينَ كَانُوا لَكُمْ
عَدُوًّا أَمِينًا (101)

“Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa mengqasarkan solat jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu.” (Al-Nisa’: 101)

Ayat ini membenarkan umat Islam untuk mengqasarkan solat apabila berada dalam keadaan musafir, sebagai kemudahan daripada Allah SWT.



Dalil Solat Jamak & Qasar dalam Hadis

2

Hadis daripada Ibnu Umar RA:

"Aku pernah menemani Rasulullah SAW dalam perjalanan, dan baginda tidak pernah menambah solat lebih dari dua rakaat ketika bermusafir, begitu juga Abu Bakar, Umar, dan Uthman RA."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)


Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW dan para sahabatnya juga melakukan qasar dalam perjalanan.

Hadis daripada Mu'az bin Jabal RA:

"Sesungguhnya Rasulullah SAW ketika dalam perjalanan di Tabuk, apabila matahari telah condong (waktu Zohor), baginda menjamakkan solat Zohor dengan Asar sebelum baginda meneruskan perjalannya. Dan apabila baginda ingin berjalan sebelum Zohor, maka baginda akan menangguhkan solat Zohor sehingga berhenti di waktu Asar lalu menjamakkan kedua-duanya."

(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmidzi)

Hadis ini menjelaskan amalan Nabi SAW yang menjamakkan solat Zohor dan Asar serta Maghrib dan Isyak ketika dalam perjalanan.



3

Dalil Safar

Ya`la bin Umayyah bertanyakan Umar bin al-Khattab r.a. tentang keharusan qasar solat dalam keadaan aman dan tiada lagi ketakutan

Umar r.a. menjelaskan bahawa Nabi s.a.w. telah memberikan jawapannya. Ia merupakan hadiah daripada Allah Taala dan boleh diambil oleh sesiapa sahaja yang bermusafir

صَدَقَةٌ تَصَدَّقَ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَاقْبِلُوا صَدَقَتُهُ

“Ia merupakan sedekah daripada Allah Taala, maka terimalah sedekahnya.”
(Sahih Muslim, kitab Solah al-Musafirin wa Qasriha, no. 686)



Formula Penting

Musafir

Orang yang melakukan perjalanan. Apabila perjalananya melebihi 2 marhalah, maka dia diberikan beberapa keistimewaan antaranya qasar solat.

Muqim


Berhenti atau tinggal sementara di sesuatu tempat selama 4 hari ke atas. Contohnya, pelajar universiti.

Mastautin

Orang yang duduk menetap dan tidak mahu berpindah ke mana-mana lagi.

Penjelasan

Apabila kita sudah berkeluarga dan menetap di Shah Alam misalnya, maka kita dikira bermastautin di Shah Alam. Justeru, kita dibenarkan untuk qasar solat apabila pulang ke kampung halaman selama 3 hari tidak termasuk hari sampai dan hari balik.



Rukhsah Disebabkan Safar Panjang

1

Qasar solat



2

Jamak solat

3

Berbuka puasa sekiranya
keluar sebelum Subuh



4

Menyapu khuf selama 3
hari 3 malam



Pilihan-Pilihan Bagi Musafir



Qasar sahaja

Inilah langkah yang terbaik

Contoh: Umar memulakan safar dari Seremban menuju ke Kuala Terengganu. Apabila tiba di RnR, Umar berhenti untuk solat Zohor sebanyak 2 rakaat. Kemudian, apabila tiba di Kuala Terengganu, barulah Umar solat Asar 2 rakaat lagi.

Jamak tanpa qasar

Contoh: Usman mengerjakan solat Zohor dan Asar masing-masing 4 rakaat. Langkah ini tidak dicadangkan memandangkan qasar lebih utama daripada itmam melainkan kita mengikuti imam yang solat tamam.

Jamak qasar


Inilah kaedah yang biasa diamalkan oleh kita. Kita diharuskan berbuat demikian. Namun kaedah pertama yang terbaik

'Illah atau Faktor Utama Dibenarkan Qasar



- Kita dibenarkan qasar kerana safar itu sendiri.
- Sama ada kita mengalami kesulitan atau tidak sepanjang safar, itu tidak penting.
- Sama ada kita kepenatan atau tidak, itu tidak diambil kira.
- Yang penting, apabila kita safar sahaja, kita dibenarkan untuk qasar, malah qasar solat lebih utama daripada itmam.

Peringatan



Apabila kita berniat untuk tinggal di sesuatu kawasan seperti kampung selama seminggu, maka kita tidak dibenarkan untuk jamak dan qasar sedari hari pertama lagi.

Ramai kalangan kita silap faham dan menyangka mereka boleh jamak dan qasar selama 3 hari.

Kiraan Hari Sampai dan Hari Balik.


Ada 2 pendapat dalam Mazhab al-Shafii.



1. Seseorang dikira bermuqim apabila menetap selama 4 hari termasuk hari sampai dan hari balik.



2. Seseorang dikira bermuqim apabila menetap selama 4 hari tidak termasuk hari sampai dan hari balik.
Inilah pendapat yang lebih sahih.



Bagaimana cara mengira hari sampai dan hari balik?

Pada asasnya, ulama berbeza pendapat tentang permulaan hari menurut kiraan Islam.

a. Hari bermula Subuh.

b. Hari bermula Maghrib.

Namun kiraan hari dalam kes solat qasar ini berbeza. Orang yang sampai pada waktu siang, kiraannya berbeza dengan orang yang sampai pada waktu malam.

APABILA SAMPAI SIANG HARI

CONTOH SITUASI

1

Zaiton bercadang tinggal di Pulau Bali bermula Isnin sehingga Jumaat siang.

Zaiton sampai di Pulau Bali pada jam 2 petang hari Isnin.

Isnin 2 petang – Isnin Maghrib : Hari sampai.

Isnin Maghrib – Selasa Maghrib : 1 hari.

Selasa Maghrib – Rabu Maghrib : 2 hari.

Rabu Maghrib – Khamis Maghrib : 3 hari.

Khamis Maghrib – Jumaat Maghrib : Hari bergerak.

Sekiranya Zaiton keluar sebelum sebelum Jumaat Maghrib, maka Zaiton dibenarkan untuk qasar sepanjang permusafirannya.



APABILA SAMPAI SIANG HARI

CONTOH SITUASI

2

Zaiton bercadang tinggal di Pulau Bali bermula Isnin sehingga Sabtu siang.

Zaiton sampai di Pulau Bali pada jam 2 petang hari Isnin.

Isnin 2 petang – Isnin Maghrib : Hari sampai.

Isnin Maghrib – Selasa Maghrib : 1 hari.

Selasa Maghrib – Rabu Maghrib : 2 hari.

Rabu Maghrib – Khamis Maghrib : 3 hari.

Khamis Maghrib – Jumaat Maghrib : 4 hari.

Jumaat Maghrib – Sabtu Maghrib : Hari bergerak.

Dalam kes ini, Zaiton tidak dibenarkan untuk mengqasarkan solatnya bermula hari pertama lagi kerana dia dikira bermuqim di sana.



APABILA SAMPAI MALAM HARI

CONTOH SITUASI

Sarifah bercadang untuk ke Hatyai pada hari Isnin sehingga Jumaat siang. Sarifah sampai pada jam 9 malam.

Isnin malam – Selasa Subuh : Hari sampai.


Selasa Subuh – Selasa Maghrib : 1 hari.


Selasa Maghrib – Rabu Maghrib : 2 hari.

Rabu Maghrib – Khamis Maghrib : 3 hari.

Khamis Maghrib – Jumaat Maghrib: Hari gerak.

Jadi, Sarifah boleh mengqasarkan solatnya. Sekiranya Sarifah merancang daripada awal lagi untuk bergerak selepas Jumaat Maghrib, dia tidak dibenarkan untuk qasar.






Syarat Qasar

1

- Hanya melibatkan solat 4 rakaat.
- Menentukan tempat yang dituju, yang memang melebihi 2 marhalah. Isteri yang mengikuti suami atau anak yang mengikuti bapa, perlu mengetahui bahawa perjalannya melebihi 2 marhalah atau tidak. Jika mereka tidak mengetahuinya, mereka tidak dibenarkan untuk qasar.
- Dalam safar yang harus sahaja. Tidak boleh qasar solat dalam safar maksiat menurut jumhur ulama. Mazhab Hanafi, al-Auza'i, al-Thauri dan al-Muzani membenarkannya. (Al-Majmu', 5:387-389)
- Tujuan safar itu sahih seperti berniaga.
- Safar itu melebihi 2 marhalah iaitu 81 km.



Syarat Qasar

2

- Perlu melepas kampung/seksyen/presint terlebih dahulu.
- Mengetahui keharusan qasar secara syarak. Sekiranya kita qasar solat dengan hanya mengikut orang tanpa mengetahui hukumnya, solat tersebut tidak sah.
- Kita kekal berada dalam safar. Tidak boleh qasar solat apabila sudah sampai ke kawasan kampung/seksyen/presint.
- Niat qasar ketika takbiratul ihram.
- Memelihara niat qasar daripada terbatal, seperti jangan pula berniat untuk itmam semasa solat.
- Tidak mengikuti imam yang solat tamam.

Faktor Tidak Dibenarkan Qasar

Berniat untuk menetap di sesuatu tempat selama 4 hari dan lebih tidak termasuk hari sampai dan balik

Tidak berniat qasar semasa takbiratul ihram

Mengikut imam yang solat tamam tanpa mengira imam itu bermuqim atau bermusafir

Meragui status imam dan tiada tanda imam itu seorang yang musafir. Kita boleh gantung niat dengan bergantung kepada imam

Tidak cukup syarat musafir yang mengharuskan qasar

Berniat untuk kembali sebelum sampai 2 marhalah

Setelah sampai di rumah

Syak adakah sudah berniat qasar atau belum. Maka kena solat tamam.

01

02

03

04

05

06

07

08

NO!

Mana Lebih Utama, Qasar atau Itmam?

Qasar lebih utama dalam 5 keadaan

01

Apabila perjalanan melebihi
3 marhalah (123 km)
sebagai meraikan Mazhab
Hanafi. Mazhab Hanafi
mewajibkan qasar dalam
perjalanan melebihi 3
marhalah

02

Apabila wujud
dalam dirinya
perasaan tidak suka
kepada qasar

03


Apabila timbul
rasa syak tentang
keharusan qasar.

04

Apabila dia
menjadi qudwah
kepada orang lain

05

Apabila waktu
untuk itmam
semakin sempit



JARAK SAFAR DIBENARKAN QASAR

2 MARHALAH BERSAMAAN 81 KM.

Ini merupakan pendapat Ibn `Umar, Ibn `Abbas, al-Hasan, al-Zuhri, al-Laith bin Sa`ad, Ishaq dan Abu Thaur.

- Mazhab: Maliki, Shafi`i dan Hanbali.

3 MARHALAH BERSAMAAN LEBIH KURANG 123 KM.

Ini merupakan pendapat Ibn Mas`ud, Suwaid bin Ghaflah, al-Sha`bi, al-Nakha`i, al-Hasan bin Soleh, dan Sufyan al-Thauri.


- Mazhab: Hanafi.



KADAR HARI DIBENARKAN QASAR

Berikut beberapa pendapat ulama.

- 1 3 hari tidak termasuk hari sampai dan balik. Ini pendapat ‘Uthman bin ‘Affan, Sa`id bin al-Musayyib, Abu Thaur, Mazhab Maliki dan al-Shafii’i.
- 2 14 hari. Ini Mazhab Imam Abu Hanifah, al-Thauri dan al-Muzani. Ibn al-Munzir mengaitkan pendapat ini dengan Ibn ‘Umar r.a. Sebagai penjelasan, “Sesiapa yang berniat mendiami tempat tersebut selama 15 hari termasuk hari sampai, maka tidak dibenarkan untuk qasar solat.”



KADAR HARI DIBENARKAN QASAR


- 3 18 hari menurut Ibn 'Abbas r.a. dan Ishaq bin Rahawaih.
- 4 9 hari menurut al-Hasan bin Soleh dan Muhammad bin 'Ali.
- 5 15 hari menurut Anas, salah satu pendapat Ibn 'Umar, Sa'id bin Jubair dan al-Laith.
- 6 Sebanyak 21 waktu solat menurut Imam Ahmad termasuk hari sampai dan balik. Menurut penjelasan lain, 4 hari.
- 7 Selamanya menurut Ishaq bin Rahawaih seperti dinukilkan oleh al-'Abdari.
- 8 Bagi Rabi'ah, kita tidak dibenarkan qasar sekiranya mahu menetap di situ sehari semalam. (Al-Majmu', 5:412-413)

Mahu menetap di kampung selama seminggu



Apabila kita sudah berniat mahu tinggal di kampung selama seminggu, maka kita tidak dibenarkan untuk jamak dan qasar menurut mazhab al-Shafi`i sejak hari pertama lagi.

Kaedahnya, kita tidak dibenarkan untuk qasar solat sekiranya kita mahu mendiami sesuatu tempat selama 4 hari tidak termasuk hari sampai dan hari balik.



JAMAK SOLAT

JAMAK IALAH
MENGHIMPUNKAN
DUA SOLAT

JAMAK TAQDIM

- Solat Zohor dan Asar pada waktu Zohor, atau solat Maghrib dan Isyak pada waktu Maghrib

JAMAK TA'KHIR

- Solat Zohor dan Asar pada waktu Asar, atau solat Maghrib dan Isyak pada waktu Isyak

Solat yang boleh dijamak hanyalah Zohor dengan Asar, dan Maghrib dengan Isyak.

Jamak berbeza dengan qasar. Jika qasar hanya berlaku ketika safar dan perang, juga ketika para hujjaj berada di Mina menurut sebahagian ulama, jamak pula diharuskan dalam pelbagai keadaan.

JAMAK SURI (جمع الصوري)

**Jamak suri bermaksud,
mengerjakan solat pertama
(Zohor dan Maghrib) pada hujung
waktu dan mengerjakan solat
kedua (Asar dan Isyak) pada awal
waktu.**

**Jamak suri biasanya dicadangkan
kepada pesakit yang sukar
bergerak acap kali untuk
mengambil wudhu dan
mengerjakan solat**

7 SYARAT JAMAK TAQDIM

1. Memulakan solat Zohor dan Maghrib dahulu



2. Perlu berniat pada solat yang pertama; sebaik-baiknya berniat ketika takbiratul ihram dan waktu terakhir berniat ialah ketika memberikan salam solat yang pertama

3. Waktu pertama masih ada

4. Wajib muwalat dan tidak boleh dipisahkan dalam kadar masa yang lama. Sebahagian ulama menyatakan boleh dipisahkan dalam kadar solat dua rakaat yang ringan. Sebahagian ulama seperti Ibn Taimiyah tidak mewajibkan muwalat

5. Meyakini solat pertama dikerjakan dengan sah

6. Masih berada dalam safar selewat-lewatnya sehingga takbiratul ihram bagi solat yang kedua. Kes ini biasanya merujuk kepada orang yang solat dalam kenderaan yang bergerak seperti perahu dan mungkin sudah tidak sesuai pada masa sekarang

7. Mengetahui hukum jamak diharuskan

2 SYARAT JAMAK TA'KHIR

Mesti berniat ketika waktu yang pertama iaitu waktu Zohor dan Maghrib.



Bererti, kita tidak perlu lagi berniat untuk jamak ketika mengerjakan solat. Niat itu bermula setelah kita keluar dari kawasan tempat tinggal kita seperti Presint 12



Kita masih berada dalam permusafiran sehingga kedua-dua solat selesai dikerjakan.

Sekiranya kita telah sampai ke tempat muqim dalam keadaan belum solat, maka solat yang pertama dianggap sebagai qadha dan tidaklah berdosa, juga tidak makruh. Sebahagian ulama lain tetap mengira ia sebagai solat jamak ta'khir

Situasi yang membolehkan jamak

Safar



Hujan



Hujjah di Arafah

Jamak taqdim bagi Zohor dan Asar dan ta'khir bagi Maghrib dan Isyak sebaik-baiknya

Sakit





Ketakutan



Keuzuran

Perbahasan ini paling luas terutamanya menurut Mazhab Hanbali





Cara Berniat

Contoh niat solat jamak taqdim Zohor dengan Asar.


"Sahaja aku solat jamak fardhu Zohor dengan Asar."

Contoh niat solat jamak taqdim dan qasar Zohor dengan Asar.

"Sahaja aku solat jamak fardhu Zohor dengan Asar 2 rakaat."

Contoh niat solat Isyak qasar.

"Sahaja aku solat fardhu Isyak 2 rakaat."



MANA LEBIH AFDHAL, JAMAK ATAU TIDAK?


Al-Quran menyatakan,

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

“Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.” (Al-Nisa’: 103)

Ini merupakan dalil yang paling jelas, “tidak jamak lebih afdhal daripada jamak.” Kita sebaiknya mengerjakan solat pada waktu masing-masing.

Dalam masa yang sama,
kita mahu keluar
daripada khilaf ulama,
yang mana Mazhab
Hanafi hanya
membenarkan jamak
bagi hujjaj di Arafah dan
Muzdalifah.



JAMAK DISEBABKAN SAFAR

Ada 2 pendapat dalam Mazhab Shafī`i:

- Harus jamak dalam safar yang kurang daripada 2 marhalah. Ini merupakan qaul qadim Imam al-Shafī`i. Hujjahnya, oleh kerana kita dibenarkan untuk mengerjakan solat dalam kenderaan dalam safar pendek, maka kita juga dibenarkan untuk menjamakkan solat.
- Hanya dibenarkan jamak dalam safar yang sampai 2 marhalah. Alasannya, apabila kita jamak, bermakna kita telah solat di luar waktu. Sama juga dengan hukum berbuka puasa, yang mana kita tidak dibenarkan berbuka bagi safar yang tidak sampai 2 marhalah. (Al-Majmu`, 5:419-420)



**Jumhur ulama membenarkan
jamak solat disebabkan safar
sama ada jamak taqdim atau
ta'khir.**



Mazhab Hanafi dan beberapa ulama seperti al-Hasan al-Basri, Ibn Sirin, Makhul al-Nakha`i dan al-Muzani tidak membenarkan jamak disebabkan safar. Mereka hanya membenarkannya bagi para hujjaj sama ada orang Makkah mahupun orang luar untuk jamak taqdim Zohor dan Asar di Arafah dan jamak ta'khir bagi Maghrib dan Isyak di Muzdalifah.

JAMAK DISEBABKAN HUJAN

Solat yang kedua dikerjakan secara berjamaah. Tidak disyaratkan berjamaah untuk solat pertama.

Hanya jamak taqdim bukannya ta'khir.

Hujan masih turun semasa takbiratul ihram pertama sehingga takbiratul ihram bagi solat kedua. Tidak disyaratkan hujan turun selain masa ini.

Dikerjakan di tempat yang jauh seperti masjid, bukannya di rumah sendiri

Kita terganggu dengan hujan tersebut, menyebabkan pakaian kita basah kuyup. Imam dikecualikan.
(Al-Taqrirat al-Sadidah)

5 SYARAT JAMAK DISEBABKAN HUJAN

Ibn 'Abbas r.a. berkata,
عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ قَالَ صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهُرَ وَالغَصْرَ جَمِيعًا وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ جَمِيعًا فِي غَيْرِ حَوْفٍ وَلَا سَفَرٍ

"Rasulullah s.a.w. jamak solat Zohor dengan Asar, Maghrib dengan Isyak bukan disebabkan rasa takut dan safar." (Sahih Muslim, kita Solah al-Musafirin wa Qasriha, bab no. 705)

- Mazhab al-Shafi`i membenarkan solat jamak Zohor dengan Asar, dan Maghrib dengan Isyak disebabkan hujan.
- Ulama-ulama mazhab lain pula hanya membenarkan solat Maghrib dengan Isyak.
- Ulama mazhab Hanafi tidak membenarkan sebarang jamak melainkan bagi hujjah di Arafah dan Muzdalifah.
- Selari dengan keharusan jamak disebabkan hujan, maka ada sebahagian ulama mengharuskan jamak disebabkan kesejukan melampau yang;
 - Wujudnya angin bertiup yang sangat sejuk dan menyulitkan kita.
 - Sampai turunnya salji. Salji itu memang menyulitkan kita.



JAMAK DISEBABKAN SAKIT

Mazhab Shafii tidak mengharuskan jamak bagi orang sakit. Namun, bukankah orang sakit lebih memerlukan jamak berbanding orang musafir?


- Orang musafir dibenarkan jamak kerana mereka mengalami kesukaran untuk berhenti banyak kali.
- Orang sakit pula mengalami kesulitan untuk menjamakkan solat secara berterusan. Maka, lebih baik mereka solat secara berasingan. (Al-Majmu', 5:424)



JAMAK KESESAKAN LALU LINTAS

- Zamirafa terperangkap dalam kesesakan lalu lintas pada jam 7 malam dan sampai di rumah pada jam 10 malam. Dalam kes ini, Zamirafa boleh berniat untuk jamak ta'khir.
- Norendah terperangkap dalam kesesakan lalu lintas pada jam 4 petang dan sampai di rumah pada jam 9 malam. Dalam kes ini, Norendah boleh jamak ta'khir untuk Maghrib dan Isyak. Solat Asar pula dikerjakan dalam kereta.






Hukum jika terlupa niat jamak ta'khir.

Sesiapa yang tidak berniat untuk jamak ta'khir pada waktu solat yang pertama, maka ia dianggap berdosa disebabkan tidak mengambil berat soal solat. Selain itu, solat Zohor atau Maghrib yang dikerjakan itu dianggap sebagai qadha bukan lagi jamak.

Namun sesiapa yang terlupa,
maka dimaafkan





SUSUNAN SOLAT JAMAK TA'KHIR.



- Sebahagian kita mengerjakan solat Asar dan Isyak dahulu, barulah Zohor atau Maghrib.
- Sebahagian ulama seperti Hanabilah mewajibkan tartib. Kita mesti memulakan solat Zohor dan Maghrib dahulu, meskipun kita terpaksa solat Maghrib dengan mengikuti imam Isyak.
- Mazhab al-Shafi'i pula menganggap tartib sebagai perkara disunatkan bukan diwajibkan.
- Bererti, Mazhab al-Shafi'i juga tidak menganjurkan solat Asar dan Isyak dahulu.

Persoalan



Perlukah azan untuk solat jamak?

Disunnahkan untuk azan pada permulaan solat iaitu Zohor dan Maghrib. Kemudian, iqamah untuk solat pertama, disusuli iqamah sekali lagi untuk solat kedua.

Hukum jamak solat Jumaat dengan Asar

Hanafi: Tidak membenarkan jamak selain hujjaj di Arafah dan Muzdalifah.

Hanbali: Tidak membenarkan.

Shafi'i: Membenarkan.



Meskipun Nabi s.a.w. tidak pernah menjamakkan Jumaat dengan Asar, namun semangat daripada jamak ialah untuk memudahkan urusan musafir.

Lagipun, memanglah Nabi s.a.w. tidak pernah menjamakkan antara keduanya kerana baginda meninggalkan Jumaat apabila bermusafir.

Persoalan



Bolehkah jamak ta'khir ketika sampai di rumah?


- Bagi Mazhab al-Shafi`i, syarat jamak ialah kita masih dalam keadaan musafir. Jika kita mahu solat jamak ta'khir Maghrib dan Isyak apabila sampai di rumah pada jam 9 malam, hukumnya tidak boleh. Solat Maghrib itu dianggap sebagai solat qadha, dan tidak berdosa.
- Mazhab Hanbali membenarkan untuk jamak ta'khir tanpa qasar apabila tiba di rumah. Yang penting kita sampai ketika sudah masuk waktu solat kedua iaitu Asar dan Isyak.



JAMAK BAGI MUSTAHADHAH

Mustahadhabah (المُسْتَحَدِّثةُ) ialah orang yang keluar darah istihadahah.

Wanita mustahadhabah dibenarkan untuk jamak solat disebabkan keuzuran dan kesulitan yang sedang dihadapi oleh mereka menurut fuqaha Hanabilah, Ibn Taimiyyah, al-Shaukani, Sheikh Ibn Baz dan Sheikh Ibn `Uthaimin.




JAMAK DISEBABKAN MENYELAMATKAN NYAWA ORANG

- Sheikh Abdul Rahman Bin Nasir al-Barrak mengharuskan doktor yang berada dalam kecemasan untuk menjamakkan solatnya. (<https://sh-albarrak.com/article/17105>)
- Begitu juga Sheikh Ibn Baz. (<https://binbaz.org.sa/fatwas/21327/>
ما-حكم-تاخير-الطبيب-الصلة-اثناء-العمليات)


Misalnya,

- Dr Alina akan menguruskan pembedahan bermula jam 12 tengah hari dan berkemungkinan akan selesai pada jam 5 petang. Maka, Dr Alina boleh jamak ta'khir.
- Dr Alina akan menguruskan pembedahan bermula jam 3 petang dan dijangka berakhir jam 7.30 malam. Maka, Dr Alina boleh terus solat jamak taqdim.
- Dr Alina akan menguruskan pembedahan bermula jam 2 petang dan berakhir jam 10 malam. Maka, Dr Alina boleh jamak taqdim bagi Zohor dengan Asar, dan jamak ta'khir bagi Maghrib dan Isyak.
- Bagaimana jika tiba-tiba Dr Alina terpaksa menguruskan kecemasan pada jam 4 dan selesai pada jam 10 malam? Maka Dr Alina perlu qadha solat Asar dahulu, disusuli Maghrib dan akhirnya Isyak dengan niat jamak ta'khir.



JAMAK DISEBABKAN MAJLIS PERKAHWINAN

- Perkahwinan kecil-kecilan tidak termasuk dalam perbincangan ini.
- Bagaimana dengan wanita yang ingin menjamakkan solatnya disebabkan sibuk dengan bersolek?



Sheikh Ibn Uthaimin memberikan jawapan,

“Kesibukan bersolek atau melayan tetamu, kesemua itu bukanlah keuzuran yang mengharuskan kita menjamakkan solat. Ini kerana kita mampu mengelakkannya dengan bersolek lebih awal, atau melewatkannya, atau ala kadar, atau mengenakannya pada waktu lain, atau mengerjakan jamak suri; iaitu kerjakan solat pertama pada akhir waktu dan solat kedua pada awal waktu. Saya berpesan kepada kaum wanita agar tidak berlebihan ketika bersolek, itulah yang sebaiknya dan jauh dairpada kemurkaan Allah Taala dan daripada menyalahi syariat-Nya. Dan saya berharap perkahwinan sebegini akan mengundang keberkatan.”

- Namun sekiranya perkahwinan tersebut terlalu sibuk dan melibatkan kehadiran orang yang terlalu ramai, malah kita terpaksa menguruskan makan minum tetamu yang hadir (khususnya pengurus majlis perkahwinan), maka,
- Berdasarkan roh jamak yang tidak mahu menyusahkan umatnya dan berdasarkan beberapa pendapat ulama seperti Asyhab, Ibn al-Munzir, Ibn Sirin dan Ibn Shubrumah yang mengharuskan jamak sekiranya memerlukan selagi mana tidak menjadi adat kebiasaan, maka diharuskan jamak.


PERINGATAN

ATTENTION
PLEASE!

- Hanya orang yang benar-benar sibuk dibenarkan untuk menjamakkan solat ketika kenduri perkahwinan. Misalnya orang tersebut dilantik untuk menguruskan perkahwinan orang-orang besar seperti Menteri (event manager). Itu pun jika ketiadaannya boleh menjaskan perjalanan majlis tersebut.
- Namun sebaik-baiknya kita tidak mengambil rukhsah tersebut dan hendaklah kita berusaha mengerjakan solat tanpa jamak dan tanpa qasar. Boleh rujuk ulasan Dr Abu Anas Madani di <https://www.youtube.com/watch?v=KGITQ3uK7Io>.



KAEDAH RAWATIB KETIKA JAMAK



SOLAT ZOHOR DAN ASAR


- a- Sunat qabliyah Zohor.
- b- Solat fardhu Zohor.
- c- Solat fardhu Asar.
- d- Sunat ba`diyah Zohor.
- e- Sunat Asar (sekiranya mahu mengerjakannya)

SOLAT MAGHRIB DAN ISYAK

- a- Solat fardhu Maghrib.
- b- Solat fardhu Isyak.
- c- Sunat ba`diyah Isyak.
- d- Sunat ba`diyah Maghrib.
- e- Witir (sekiranya mahu dikerjakan awal malam)



VIDEO CARA SOLAT JAMAK DAN QASAR



Klik pautan di bawah untuk menonton video
<https://www.youtube.com/watch?v=j8aplmUWc6I>



RENUNGAN

Dalam kegelapan malam, Nabi s.a.w. berdoa dengan memuji Allah Taala sebagai pemilik seluruh cahaya di langit dan di bumi.

Seolah-olah kegelapan malam itu menyedarkan kita sebagai manusia biasa bahawa kita sangat mengharapkan cahaya Allah menerangi kehidupan kita.



RUJUKAN

Al-Majmu` dan fatwa Dar al-Ifta'
[https://aliftaa.jo/Question2.aspx?
QuestionId=3394#.Y8CSk3ZBy5c](https://aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=3394#.Y8CSk3ZBy5c)

<https://dorar.net/feqhia/1499/>)

<https://sh-albarak.com/article/17105>

<https://islamqa.info/ar/answers/216364>

<https://fatwa.najah.edu/ar/question/ref-317020/>
https://www.youtube.com/watch?v=T3Gh9eh36_0
(Dr Maza)

-ما-حكم-تأخير-
<https://binbaz.org.sa/fatwas/21327>
الطيب-الصلة-اثناء-العمليات)

-الفقه/العبادات/الصلة/الصلة/
<https://fataawaalsawy.com>
في-السيارة-عند-الزحام-الشديد-خش/

PANDUAN SOLAT JAMAK & QASAR

e ISBN 978-629-95005-2-0



Hak Cipta © epembelajaran Kolej Komuniti Beaufort

Tel: 087-212528 / 529

Emel: adminkkbs@kkbeaufort.edu.my

Laman sesawang: <https://kkbeaufort.mypolycc.edu.my/>